

09 OCT 1997

Umno-Ringggit

KEADAAN BELUM TERDESAK UNTUK LAKSANA STRATEGI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keadaan belum begitu terdesak bagi kerajaan melaksanakan strateginya dalam menangani masalah berhubung ringgit.

"Sepertimana kita tahu nilai ringgit sedang naik turun lagi, jadi kita tidak bolehlah hendak laksanakan strategi kita," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini malam ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada beliau menerangkan mengenai strategi berkenaan pada mesyuarat itu yang telah melahirkan sokongan padu kepada beliau dalam menangani isu berkenaan.

"Kita cuma menyentuh sedikit tentang kemungkinan kita mengambil satu tindakan untuk menyelesaikan masalah mata wang ini.

"Saya telah memberitahu bahawa keadaan belum begitu terdesak sehingga kita perlu mengambil tindakan itu...jadi saya tidak menerangkan apa dia tindakan itu, cuma memberitahu bahawa kita boleh menangani masalah ini," katanya.

Ketika ditanya sama ada penerangan akan diadakan di peringkat akar umbi bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai keadaan ekonomi, Dr Mahathir berkata ia tidak perlu kerana perkara itu akan disentuh dalam ucapan Belanjawan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menyampaikan ucapan Belanjawan pada persidangan Dewan Rakyat 17 Okt ini.

Selain soal kewangan negara, mesyuarat itu juga membincangkan mengenai masalah jerebu.

Menurut Dr Mahathir, keadaan jerebu semakin baik dan yakin ia akan hilang sekiranya terus berlaku hujan.

Kepada satu soalan, beliau berkata masalah itu tidak menjejaskan perhubungan baik antara negara-negara Asean. -- BERNAMA

AZZ RON